



## **KELAYAKAN PENGELUARAN LESEN BARU** **PEMEGANG PAJAK GADAI**

1. Semua pemilik/ pekongsi firma/ pemegang jawatan/ lembaga pengarah syarikat yang membuat permohonan lesen baru perlu dikenakan tapisan polis bagi memastikan pemohon tidak disabitkan kesalahan di bawah Bab XVI iaitu melibatkan kesalahan-kesalahan mengenai tubuh manusia atau Bab XVII iaitu kesalahan-kesalahan terhadap harta, Kanun Keseksaan ;
2. Semua pemilik/ pekongsi firma/ pemegang jawatan/ lembaga pengarah syarikat perlu mengemukakan maklumat tapisan insolvensi bagi memastikan pemohon bukanlah seorang bankrap yang belum dilepaskan;
3. Semua pemilik/ pekongsi firma/ pemegang jawatan/ lembaga pengarah syarikat tidak disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai (PPG) dengan hukuman denda yang melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan berdasarkan peruntukan seksyen 8A(1)(b), Akta Pemegang Pajak Gadai (selain pemenjaraan kerana ingkar membayar denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit);
4. Modal kerja minimum semasa mengemukakan permohonan ialah RM500,000.00;
5. Pemohon disyaratkan menyatakan lokasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pilihan untuk menjalankan perniagaan;
6. PPG baru berstatus pemilik tunggal tidak dibenarkan menubuh cawangan;
7. Pemilik / Lembaga Pengarah tidak memiliki lesen Pemberi Pinjam Wang;
8. Pemegang lesen sedia ada dibenarkan untuk memiliki lesen baru PPG;
9. PPG berstatus syarikat/firma/pertubuhan bebas menubuhkan cawangan tidak mengira bilangan. Setiap individu juga bebas menjadi pengarah kepada lebih daripada 3 lesen; dan

10. Penubuhan cawangan PPG dengan menggunakan lesen yang sama tidak dibenarkan. Penubuhan cawangan adalah mengikut prosedur serta syarat-syarat bagi permohonan lesen baru.

Selepas menerima surat kelulusan bersyarat daripada Kementerian, pemohon dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut dalam **tempoh 6 bulan** iaitu:

11. Mana-mana pemohon yang belum mendaftar nama perniagaan/ syarikat semasa mengemukakan permohonan perlu berbuat demikian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan menghantar satu salinan pendaftarannya kepada Kementerian;
12. Pemohon perlu membuktikan mempunyai modal tunai RM2 juta. Modal ini dibenar untuk digunakan sebagai modal pusingan bagi mengubahsuai premis dan lain-lain kos operasi perniagaan;
13. Mengemukakan alamat premis dan mendapatkan kebenaran bertulis PBT untuk menjalankan perniagaan PPG di kawasan PBT berkenaan. Lesen hanya akan dikeluarkan selepas pemohon mengubahsuai premis berdasarkan spesifikasi di bawah dan menjelaskan bayaran fi lesen; dan
14. Pemohon perlu menyediakan premis perniagaan yang menepati syarat-syarat berikut iaitu:
  - i) Premis perniagaan tidak dibenarkan dibuka di lot kedai kayu;
  - ii) Barang pajakan perlu disimpan dalam peti besi yang ditempatkan dalam bilik kebal dibina dengan ketebalan minimum dinding *reinforced concrete* 9 inci dan pintu terkunci automatik selepas waktu niaga;
  - iii) Mempunyai alat penggera keselamatan jenis Global Monitoring System (GMS) yang berkualiti dan sentiasa berfungsi;
  - iv) Mempunyai sistem litar televisyen tertutup (CCTV) yang berkualiti dan sentiasa berfungsi(*pilihan*); dan
  - v) Tinggi kaunter yang dibina hendaklah tidak melebihi 4 kaki bagi membolehkan pemajak melihat proses menimbang barang sandaran.